

Headline	Guna sumber tenaga secara berhemah		
MediaTitle	Harian Metro (Sabah and Sarawak)		
Date	05 Sep 2019	Language	Malay
Circulation	3,028	Readership	9,084
Section	News	Page No	4
ArticleSize	163 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,560		



## Guna sumber tenaga secara berhemah

**Kota Kinabalu:** Sumber penjanaan tenaga harus digunakan secara berhemah dan bertanggungjawab untuk memastikan aliran sumber yang lestari.

Ketua Pegawai Korporat Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Wira Roslan Ab Rahman berkata, amat penting bagi masyarakat terutama pelajar sekolah mengetahui mengenai budaya penggunaan tenaga elektrik secara cekap.

“Kita semua percaya bahawa pendidikan awal adalah titik permulaan amat penting dalam memupuk sifat mulia termasuk penggunaan tenaga secara bertanggungjawab demi menghargai alam sekitar,” katanya sempena Program Kesedaran Kecekapan Tenaga dan Perubahan Iklim di Dewan Sekolah Menengah (SM) KK High School, di sini.

Roslan berkata, program itu adalah inisiatif yang pertama kali dianjurkan oleh Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, TNB dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.

“Menerusi program ini, kita berharap dapat membantu memacu pembangunan masyarakat Sabah untuk mengamalkan budaya cekap tenaga dan peka terhadap penjagaan alam sekitar.

“Selain itu, kita berharap program ini mampu menyedarkan pengguna untuk mengurangkan pembaziran penggunaan tenaga elektrik dalam sesebuah unit keluarga dan kelompok masyarakat.

“Kita berharap agar anak-anak generasi muda dapat menjadi ejen kecil kepada TNB atau SESB untuk menyebarkan amalan cekap tenaga kepada keluarga dan rakan mereka,” katanya.

